

SPRM tumpu kes besar selamatkan wang rakyat

Suruhanjaya tingkat keyakinan masyarakat dalam usaha kerajaan perang rasuah

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini memberi tumpuan kepada kes berskala besar bagi menyelamatkan wang rakyat dan tidak lagi sekadar kes kecil atau golongan 'ikan bilis' semata-mata.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sasaran utama SPRM ketika ini adalah melaksanakan siasatan dan pencegahan berkesan dan pada masa sama meningkatkan keyakinan masyarakat dalam usaha kerajaan menangani rasuah.

"Tumpuan SPRM sekarang adalah rasuah berskala besar. Kalau dulu, terlalu banyak masa dan tenaga untuk menumpukan perhatian menangkap 'ikan bilis' dan ini tidak akan banyak membantu kerana rasuah adalah satu hal yang sistemik," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di De-

wan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan asal Lo Su Fui (GRS-Tawau) mengenai strategi penambahbaikan dan fokus kerajaan melalui SPRM, untuk memastikan siasatan kes rasuah mendatangkan impak besar dan kesan nyata, sekali gus memulihkan imej negara di peringkat antarabangsa.

Mengulas kes berskala besar disiasat SPRM ketika ini, Perdana Menteri berkata antaranya skandal air terbesar di Sabah membabitkan infrastruktur RM3.3 bilion melalui Ops Water, yang setakat ini aset berjumlah RM63 juta berjaya dikembalikan dan kes masih berjalan di mahkamah.

Selain itu, katanya, sindiket bitcoin membabitkan kecurian bekalan elektrik dengan kerugian sehingga RM2.3 bilion antara 2018 hingga 2021 (yang disiasat) melalui Ops Power dan tuntutan palsu menerusi Program Penjana Kerjaya (Ops Hire) dengan jumlah yang diselamatkan RM426 juta.

"Kemudian, sindiket pengurangan saman trafik yang juga membabitkan kelompok dalam sindiket kartel seperti yang terdapat dalam JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan) sebelum ini, yang mencecah jutaan ringgit.

"Saya percaya, penumpuan kepada kes skala besar itu yang



Anwar ketika Sesi Soal Jawab Perdana Menteri pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-15 di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

sudah dan sedang dijalankan akan memastikan rakyat, penjawat awam dan pimpinan politik melihat SPRM lebih agresif seperti dalam Tital Diraja, semalam (kelmarin)," katanya.

Menjawab soalan tambahan Su Fui mengenai sama ada pengubahan undang-undang berkaitan pendanaan politik akan diusahakan dalam masa terdekat, Perdana Menteri berkata, ada komitmen untuk meneruskan pengubahan akta itu, namun ia masih pada peringkat awal.

"Kita melihat laporan dikemukakan dan saya percaya, jabatan berkenaan akan meneliti, bukan saja SPRM tapi juga parti politik, sebelum ia dikemukakan kepada Jawatankuasa Pilihan," katanya.

Sementara itu menjawab soalan tambahan Datuk Dr Radzi Jidin (PN-Putrajaya) sama ada memegang jawatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan membuka ruang berlaku skandal kewangan seperti sebelum ini,

Anwar menegaskan memegang dua jawatan iaitu Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bukan satu masalah, selagi jawatan tidak disalahgunakan.

Perdana Menteri bertekad akan menggunakan segala usaha untuk mengelakkan rasuah di negara ini.

"Sama ada kita gabung atau tidak (jawatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan) bukan masalah. Masalahnya adalah menggunakan kedudukan itu untuk rompak harta rakyat dan ini terpakai dalam banyak kalangan.

"Yang bersih sama ada belah sana (pembangkang) atau belah sini (kerajaan) jangan bimbang.

"Tetapi yang terpalit dengan rasuah itu harus rasa tertekan dan bimbang.

"Apa pun telahan dibuat, saya tekad pentadbiran Kerajaan Perpaduan ini akan menggunakan segala usaha mengelak dan menghalang rasuah dari berleluasa" katanya.

Menjawab soalan Radzi berhubung kerosakan dilakukan keti-

ka kerajaan diterajui Barisan Nasional (BN) termasuk skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sehingga negara menanggung beban hutang, Anwar mengakui perkara itu.

"Ada kebenaran semasa BN dulu ada berlaku ketirisan dan ada kes seperti 1MDB, tetapi dalam pemerintahan PN (Perikatan Nasional) pun kerosakan banyak juga.

"Selain 1MDB, ada termasuk dari segi perbelanjaan kerosakan banyak juga termasuk Program Jana Ekonomi Pemerksaan Kontraktor Bumiputera Berwibawa (JanaWibawa), projek tebatan banjir dan beberapa ketirisan lain yang sedang dalam siasatan.

"Ada yang tanya mengapa perlu disiasat... urusan siasatan itu adalah urusan SPRM dan badan penguat kuasa. Apakah ada tindakan undang-undang dan pendakwaan, itu urusan Peguam Negara.

"Saya ingat, kalau YB (Radzi) bersabar mungkin dalam masa terdekat ada berita baik untuk rakyat," katanya.